

13 MAY 1998

Negara-Bahas

BUDAYA PARTI, BUKAN KORPORAT KUASAI KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Budaya parti menguasai kerajaan dan bukannya korporat yang menguasai kerajaan perlu diterapkan dan dibuktikan serta dijadikan falsafah negara secara kekal dan menyeluruh, kata Senator Datuk Zainudin Maidin.

Golongan korporat yang mendapat "rahmat" daripada kerajaan tetapi tidak tahu menghormati kerajaan, tidak boleh dimaafkan sedangkan pegawai kerajaan yang bercanggah secara terbuka dengan seseorang menteri boleh diambil tindakan, katanya di Dewan Negara hari ini.

"Beberapa tokoh korporat menunjukkan keangkuhan seolah-olah mereka tidak boleh ditegur oleh menteri kerana merasakan dilindungi oleh menteri yang lebih besar," katanya ketika menyokong usul ucapan terima kasih terhadap titah ucapan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar semasa pembukaan Penggal Keempat Parlimen yang Kesembilan.

Zainudin yang juga dikenali sebagai Zam, bekas Ketua Pengarang Utusan Melayu yang berpengalaman luas dalam bidang kewartawanan dilantik menjadi Senator 9 Mac lepas berkata demikian ketika menyampaikan ucapan sulungnya.

Katanya, ketika negara menghadapi kegawatan ekonomi, sebahagian daripada tokoh korporat yang hilang pegangan dan tidak jelas nilai moral telah menjadikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai sasaran kemarahan tanpa menghargai patriotisme dan nasionalismenya.

Bagaimanapun, beliau berkata bukan semua ahli perniagaan Melayu boleh dikategorikan seperti demikian tetapi percaya terdapat orang Melayu yang turut terlibat dalam tindakan memindahkan RM20 bilion ke bank asing.

Zainudin turut menyelar Radio Televisyen Malaysia (RTM) yang bertanggungjawab terhadap pembentukan keperibadian bangsa dan nasionalisme sanggup mengorbankan kedua-dua salurannya untuk program yang bersifat tajaan sehingga mengharu-birukan dasar-dasar kebangsaan.

"Ia menjadi menjadi contoh kepada media elektronik yang lain untuk turut dalam kegelojohan mencari wang dengan mengetepikan nilai dan kualiti yang wajar bagi pembangunan rohani dan ketertiban minda dan moral masyarakat," katanya.

Senator Datuk Ibrahim Ali pula meminta kerajaan merombak secara agresif Dasar Pertanian Negara bagi memastikan bidang pertanian negara dapat ditingkatkan bagi mengelak negara terlalu bergantung kepada makanan import.

Beliau yang kecewa kerana masih terdapat banyak tanah-tanah terbiar yang tidak diusahakan dengan pertanian berkata, Kementerian Pertanian perlu mengambil tindakan segera bagi menyelamatkan RM10 bilion yang digunakan untuk mengimport makanan.

Beliau turut mencadangkan Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi membolehkan orang ramai mengemukakan aduan terhadap perbuatan memindahkan wang ke luar negara.

Persidangan disambung esok.

-- BERNAMA

NHD RHM